

MASALAH SPIRITUAL REMAJA BERISIKO DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA: SUATU KAJIAN LITERATUR

SPIRITUAL PROBLEMS AMONG AT-RISK YOUTH AND INFLUENCING FACTORS: A LITERATURE REVIEW

Mohd Manawi Bin Mohd Akib*¹, Nurul Shuhadah Binti Md Yahya², Hamdi Ishak³, Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi⁴, Che Zarrina Sa'ari⁵, Sharifah Basirah Syed Muhsin⁶

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Univerisiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manawi@ukm.edu.my.

² Pembantu Penyelidik, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), P126572@siswa.ukm.edu.my.

³ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hamdi@ukm.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), izzar@ukm.edu.my.

⁵ Profesor, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya (UM). zarrina@um.edu.my.

⁶ Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya (UM), basirah@um.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 05 Ogos 2024 | Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 29 November 2024

Abstrak

Isu remaja berisiko bukan lagi perkara yang boleh dipandang remeh pada masa kini, sebaliknya ia merupakan di antara isu yang perlu diberikan perhatian. Peningkatan kes yang melibatkan remaja menunjukkan bahawa kadar keruntuhan akhlak remaja yang semakin membarah. Hal ini terjadi disebabkan oleh pengaruh luaran dan dalaman seperti cabaran anasir dan pengaruh luar berbentuk global yang amat mudah menjajah pemikiran dan mempengaruhi budaya remaja. Di samping itu, kekurangan ilmu pengetahuan berkaitan akhlak Islam juga membuatkan spiritual remaja tidak kuat bagi menghadapi cabaran tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku remaja berisiko dan masalah spiritual yang dihadapi oleh mereka menerusi sorotan literatur berkaitan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan terhadap penelitian ke atas kajian lepas berbentuk tesis, disertasi, artikel jurnal dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa perilaku seseorang remaja sama ada positif atau negatif dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran seperti kurangnya penghayatan ilmu agama, tekanan emosi, pengaruh rakan sebaya, media massa, pengaruh ibubapa, persekitaran dan sebagainya. Beberapa masalah spiritual remaja berisiko juga turut dikenal pasti seperti *al-halu'* (keluh kesah), *hubbu al-dunya* (cinta dunia), hasad dan sebagainya.

Kata kunci

Remaja berisiko, tekanan emosi, persekitaran, masalah spiritual.

Abstract

The issue of at-risk youth is no longer something that can be taken for granted; instead, it is one of the challenges that must be addressed. The increase in cases involving teenagers indicates that the rate of moral degradation among teenagers is increasing. This is due to external and internal pressures such as elemental obstacles and global external influences that are very easy to colonise thinking and impact adolescent culture. Furthermore, a lack of education of Islamic morality renders teenagers spiritually unable to confront the task. As a result, the purpose of this study is to identify the elements that influence the behaviour of at-risk youth and the spiritual issues they encounter by highlighting relevant literature. This is a qualitative study that employs bibliographic methods and content analysis of research on previous studies in the form of theses, dissertations, journal articles, and so on. The study's findings revealed that a teenager's behaviour, whether positive or negative, is influenced by a variety of internal and external elements, including a lack of religious knowledge, emotional stress, peer influence, mass media effect, parental influence, stress, and so on. Some spiritual issues of at-risk youth are also noted, such as al-halu' (complaining), hubbu al-dunya (world love), envy, and so on.

Keywords

at-risk youth, mental stress, environment, spiritual problems.

1.0 Pendahuluan

Penciptaan manusia terdiri daripada dua elemen iaitu fizikal dan spiritual atau jasmani dan rohani. Islam menitikberatkan kedua-dua elemen ini dalam mencapai kesejahteraan hidup yang merangkumi kesihatan fizikal, mental, sosial dan spiritual. Kemajuan dan kecanggihan teknologi yang pesat pada hari ini banyak mempengaruhi individu dari aspek spiritual khususnya para remaja, melalui serangan ideologi berdasarkan pola kehidupan moden barat yang bersifat material. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pengabaian terhadap unsur terpenting dalam kehidupan iaitu unsur spiritual dan kesannya, kehidupan mereka semakin jauh dari melaksanakan syariat Islam dan akhirnya terjerumus dengan tingkah laku berisiko.

Isu remaja berisiko terus menjadi kebimbangan yang semakin meningkat pada masa kini. Tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah, salah laku seksual, merokok, buli, vandalisme dan pembuangan bayi merupakan antara fenomena yang sering dilaporkan (Aida et al. 2023). Berdasarkan statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2023, terdapat 91,948 kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan individu berumur antara 15 hingga 39 tahun, di mana 95.7% daripada jumlah tersebut melibatkan lelaki, manakala hanya 4.3% melibatkan perempuan. Peningkatan kes ini menunjukkan bahawa semakin ramai remaja dan golongan muda, termasuk yang masih bersekolah, terlibat dalam penyalahgunaan dadah, dengan risiko tinggi untuk menjadi penagih tegar. Kajian turut menekankan bahawa peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja ini sering dikaitkan dengan kekurangan nilai spiritual, yang berpunca daripada peranan agama yang kurang berpengaruh dalam kehidupan seharian mereka (Norfatmazura & Nooraini 2021).

Dalam Islam, aspek spiritual yang terdiri daripada elemen *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-a'ql* (akal) sangat penting dalam membentuk akhlak individu. Ini kerana aspek spiritual berperanan sebagai pengurus dan pentadbir bagi jasad melalui

elemen-elemennya tersebut (Mohd Manawi & Sharifah Basirah, 2019). Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis Baginda SAW daripada Nu'man bin Basyir berkata aku mendengar Nabi SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً، إِذَا صَلَحَتْ، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah al-qalb (jantung).”

[Riwayat al-Bukhari (52) dan Muslim (1599)]

Hadith tersebut menekankan kepentingan menjaga aspek spiritual dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, dalam usaha menangani masalah remaja berisiko, Islam menawarkan pendekatan yang holistik dalam pembentukan akhlak remaja melalui suatu kaedah yang dikenali sebagai psikospiritual Islam. Psikospiritual Islam merujuk kepada ilmu yang berkaitan dengan kaedah rawatan berasaskan amalan dalam Islam, berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, amalan para salafus soleh, serta pengetahuan yang selari dengan prinsip syariah dalam merawat kecelaruan jiwa (*nafs, ruh* dan *qalb*), mental (*'aql*), emosi (*'atif*), serta perilaku moral (akhlak) dengan tujuan mencapai kebahagiaan (*al-sa'adah*) di dunia dan akhirat (Shahidah et al., 2021).

Konsep pencapaian kebahagiaan (*al-sa'adah*) yang menjadi tumpuan dalam bidang ini menjalin hubungan erat dengan ilmu kerohanian Islam, iaitu disiplin ilmu tasawuf. Perbincangan dalam tasawuf banyak memberi perhatian kepada persoalan jiwa manusia bagi menjaga kesihatan, membentuk akhlak, serta menyucikan dan membimbing diri (Ayu 2021). Oleh itu, pelbagai kaedah rawatan berasaskan ilmu tasawuf telah dikaji, disusun, dan diaplikasikan dalam psikospiritual Islam sebagai terapi yang berfungsi untuk mencegah, menyembuh, serta menyucikan hati bagi mencapai kesihatan jiwa, mental, emosi, dan tingkah laku (Zarrina, 2019). Metodologi yang digunakan dalam terapi ini bersifat praktikal dan berterusan, yang terbukti berkesan dalam pembentukan personaliti insan melalui pengalaman dalam Islam.

Oleh itu, ilmu psikospiritual Islam sebenarnya adalah satu wasilah yang berfungsi sebagai penyelesaian dan pencegahan yang efektif terhadap masalah masyarakat masa kini. Hal ini kerana kembali kepada ajaran Islam yang sebenar mampu membentuk masyarakat yang harmoni melalui pengukuhan insan yang sihat dari aspek fizikal, mental, emosi, dan spiritual terutama dalam menangani masalah spiritual remaja berisiko. Secara umumnya, kajian-kajian berkaitan remaja berisiko telah banyak dijalankan oleh ahli akademik di kebanyakan universiti awam atau swasta di seluruh Malaysia antaranya kajian oleh Sahlawati et al. (2017) yang mengkaji keberkesanan program sokongan berasaskan kaedah al-Quran dalam menangani masalah sosial. Kajian tersebut mendapati amalan di Pusat Perlindungan di Selangor telah memberi kesan positif terhadap perubahan remaja melalui penekanan terhadap akidah dan

kerohanian, ilmu, ibadah, *bi'ah solihah*, dan lain-lain. Kajian daripada Suriani dan Phayilah (2018) yang mengkaji tentang pembentukan spiritual menurut Islam mendapati elemen iman, takwa dan takutkan balasan akhirat sebagai elemen spiritual yang mampu menjadi penyelesaian terhadap masalah akhlak dan moral ketika ini.

Di samping itu, kajian oleh Noor Hafizah et al. (2019) telah mengkaji elemen-elemen kerohanian yang diterapkan oleh PERKID melalui program kerohanian seperti puasa, wirid, solat, membaca al-Quran dan sebagainya turut memberi kesan positif kepada klien mereka. Terdapat juga kajian teoretikal yang mengetengahkan konsep penyucian jiwa berdasarkan pemikiran tokoh ilmuan terdahulu seperti al-Ghazali dan Abu Talib al-Makki dalam menangani kemelut kejiwaan yang melanda masyarakat masa kini (Basirah et al., 2022; Mohd Syukri et al., 2022; Ahmad A'toa' & Mardiana, 2021). Salah satunya adalah kajian dari Rosni Wazir et al. (2020) tentang *Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Psikospiritual al-Ghazali (W. 505 H)*. Kajian ini mengemukakan pendekatan psikospiritual al-Ghazali yang bermula dengan pengukuhan akidah, penyempurnaan ibadah, penyucian sifat mazmumah, dan pengamalan sifat mahmudah yang mana pendekatan psikospiritual yang diperincikan oleh al-Ghazali memiliki faktor pelindung seperti pegangan agama, daya tahan, jati diri, penghargaan, pengharapan, bersyukur, berdikari, tujuan hidup, dan kasih sayang, yang mampu mengatasi faktor risiko penagihan dadah.

Justeru itu, artikel ini penting untuk dilaksanakan kerana ia memberikan pemahaman yang mendalam mengenai masalah spiritual dalam kalangan remaja berisiko. Hal ini demikian kerana, seperti yang telah dibincangkan, aspek spiritual memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan peribadi individu. Oleh itu, melalui pemahaman ini, ia dapat menawarkan satu solusi yang berkesan bagi remaja dan masyarakat tentang kepentingan menjaga elemen spiritual dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu spiritual remaja berisiko melalui sorotan literatur terhadap kajian-kajian terdahulu.

2.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan. Kaedah kualitatif analisis dokumen dilihat sebagai pendekatan paling sesuai untuk kajian ini disebabkan oleh sifat datanya yang memerlukan pemeriksaan mendalam terhadap dokumen-dokumen tertentu (Kamarul 2012). Proses pengumpulan data melibatkan pengenalpastian kajian terdahulu yang berkaitan dengan isu remaja berisiko dan masalah spiritual mereka. Sampel kajian ini diperoleh daripada artikel jurnal, buku, tesis, dan disertasi yang relevan serta diterbitkan dalam tempoh enam tahun terkini, iaitu dari tahun 2018 hingga 2024. Pemilihan sumber terkini ini adalah untuk memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan mencerminkan perkembangan semasa dalam bidang kajian ini. Analisis kandungan dijalankan menggunakan pendekatan deskriptif bagi mengkaji tema-tema utama yang berkaitan dengan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi tingkah laku serta spiritual remaja. Pendekatan ini dipilih kerana ia

membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman dan pandangan yang luas mengenai isu-isu yang mempengaruhi remaja berisiko, dengan fokus pada aspek kerohanian atau spiritual yang menjadi teras kepada kajian ini. Data yang diperoleh akan diolah dan disusun sebelum dianalisis deskriptif untuk mendapatkan pandangan yang lebih jelas tentang remaja berisiko, faktor-faktor yang terlibat dan masalah spiritualnya.

3.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan menumpukan kepada beberapa subtopik utama iaitu definisi remaja berisiko, faktor yang mempengaruhi remaja berisiko dan masalah spiritual remaja berisiko.

3.1 Definisi Remaja Berisiko

Sebelum menjelaskan pengertian remaja berisiko, pengkaji akan menjelaskan terlebih dahulu pengertian remaja. Menurut Najwa et al (2019) remaja merupakan golongan yang berada pada fasa peralihan dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun dimana berlakunya perubahan menuju kematangan. Kajian menukulkan pandangan Erikson melalui teori psikososial yang mengatakan lingkungan umur berkenaan merupakan peringkat yang paling kritikal dalam menentukan diri seseorang bagi mencari identiti dan membina konsep sendiri.

Remaja berisiko adalah remaja yang mempunyai ketegangan jiwa apabila mereka tidak diberi bimbingan yang sewajarnya. Pespektif Islam melihat golongan ini sebagai seseorang yang penuh dengan tenaga dan potensi (Hanisah 2021). Remaja berisiko mempunyai kaitan dengan proses perkembangan remaja, persekitaran yang negatif, sikap keluarga yang tidak memberi perhatian kepada remaja, masyarakat sekeliling yang mempengaruhi perlakuan bermasalah dalam kalangan remaja, pegangan agama dan kecerdasan emosi (Aida et al. 2023; Amila et al. 2017). Remaja berisiko juga dikategorikan sebagai mereka yang tidak berupaya untuk menyesuaikan atau menerima perubahan dari aspek psikologi, biologi dan sosial ketika berada pada fasa peralihan dan kesan dari tekanan tersebut menyebabkan ketegangan emosi yang menunjukkan sifat agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal dan terlibat dengan gejala sosial (Andi et al. 2022; Rahayu et al. 2021). Remaja berisiko juga dikatakan sebagai mereka yang bertingkah laku tidak bermoral dengan melanggar undang-undang, peraturan atau norma masyarakat (Intan & Nabilah, 2018).

Tingkah laku tidak bermoral ini terbahagi kepada dua; pertama, tingkah laku delinkuen bagi mereka yang masih bersekolah atau bawah umur. Kedua, tingkah laku devian atau jenayah bagi golongan yang telah tamat sekolah dan golongan belia. Tingkah laku delinkuen dilihat bermula dengan kesalahan ringan seperti melanggar peraturan sekolah, ponteng, menghisap rokok, buli, gengsterisme dan berakhir dengan kesalahan berat seperti penagihan dadah, pornografi, seks bebas, pembuangan bayi, membunuh dan sebagainya (Diyana & Berhanundin 2018). Dalam kajian oleh Nuri et al (2016), ia menjelaskan ciri-ciri psikologi belia yang delinkuen iaitu rendah penerimaan sendiri, kuasa autonomi pasif, bertindak agresif, rendah penghargaan sendiri dan

kemesraan bersama rakan. Kajian juga mendapati terdapat faktor dalaman dan luaran yang membentuk tingkah laku remaja berisiko antaranya faktor dalaman seperti kelemahan kecerdasan emosi dan pegangan agama, di samping faktor luaran seperti persekitaran, latar belakang keluarga, rakan sebaya dan sebagainya untuk terjebak dengan fenomena delinkuen (Emer & Merike 2021).

Kajian oleh Khairil et al. (2018) mengenai indeks mental-kognitif Islam dalam kalangan remaja berisiko mendapati bahawa tahap mental-kognitif Islam yang rendah dalam kalangan remaja berisiko menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada berterusannya aktiviti jenayah dalam kalangan remaja, selagi peningkatan arus mental-kognitif Islam tidak ditingkatkan. Ini menunjukkan bahawa kesinambungan tingkah laku remaja berisiko berkait rapat dengan tahap pemahaman tasawwur Islam yang sangat kritikal dalam kalangan mereka. Majoriti remaja yang bermasalah dari segi akhlak menunjukkan tahap pengetahuan agama yang rendah, yang menandakan ketidakupayaan mereka untuk melindungi diri daripada terjebak dalam gejala negatif yang merosakkan kesejahteraan hidup. Hal ini menggambarkan semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan untuk terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan gejala sosial dan pengetahuan agama yang tinggi mampu membentuk spiritual yang murni dalam kalangan remaja (Taruna Gera 2022).

Kenyataan di atas menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Khairul dan Husna (2019) terhadap program kerohanian di Pusat Pelindungan wanita yang mendapati bahawa remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di sana menunjukkan reaksi yang positif terhadap pengisian yang dijalankan dengan hati terbuka dan berlapang dada bagi memperbaiki akhlak mereka. Modul kerohanian yang dijalankan meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak terbukti mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam memastikan remaja menjauhi perbuatan tidak baik dan hanya menumpukan kepada proses pemulihan. Hasil kajian mendapati, kebanyakan mereka bersetuju dengan pengisian modul kerohanian yang disampaikan serta bersedia berubah ke arah yang lebih baik.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa remaja merujuk kepada individu dalam lingkungan usia aqil baligh, iaitu antara 12 hingga 21 tahun. Pada tahap ini, mereka berada dalam fasa peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa, yang melibatkan perubahan dari aspek mental, fizikal, emosi, dan lain-lain. Justeru, bagi mereka yang tidak mempunyai persiapan yang mencukupi dalam ilmu agama dan pengetahuan lain, mereka berkemungkinan menghadapi kesukaran dalam menempuh fasa tersebut, yang akhirnya boleh membawa kepada masalah gejala remaja berisiko. Tingkah laku remaja berisiko lazimnya dipengaruhi oleh faktor spiritual yang tidak murni akibat dorongan luaran, di samping faktor-faktor lain yang turut berperanan dalam pembentukan tingkah laku individu.

3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Berisiko

3.2.1 Faktor Dalaman

- I. Kelemahan Iman atau Kurang Penghayatan Agama

Kelemahan iman atau kurang penghayatan agama dikenal pasti sebagai faktor dalaman utama yang mendorong remaja berisiko. Iman seseorang cenderung berubah-ubah, dan tingkah laku negatif sering terjadi saat iman berada pada tahap lemah. Remaja yang mencapai tahap ihsan, dengan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap tindakan mereka, akan sukar terjerumus dalam tingkah laku yang menyimpang (Azyyati, 2017; Holmes et al. 2019). Oleh itu, pendidikan agama berperanan penting sebagai benteng dalam menghadapi cabaran usia remaja.

Pemahaman agama yang mendalam adalah asas penting dalam mengelakkan pengaruh negatif dan pemikiran yang salah (Aggarwal et al. 2023). Islam berfungsi sebagai panduan bagi manusia untuk hidup dalam kesejahteraan, membezakan antara yang benar dan yang batil. Namun, kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja hari ini masih sederhana, yang mana ia memberi kesan kepada tingkah laku mereka (Zamri et al. 2022).

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa amalan kerohanian yang lemah, seperti tidak menunaikan solat, serta kekurangan pemahaman asas agama, menyumbang kepada tingkah laku berisiko dalam kalangan remaja (Sharifuddin et al. 2022). Ini selari dengan dapatan kajian Michael & Justin (2023) dalam kajiannya yang mendapati kepentingan agama dan pengalaman agama harian dikaitkan secara langsung dan tidak langsung dengan tahap delinkuen dan kebimbangan yang lebih rendah. Di samping itu, kurangnya sokongan daripada ibu bapa dalam mendidik dan membimbing anak-anak dalam memahami ilmu agama serta kurangnya amalan agama dalam diri seseorang remaja juga menjadikan mereka mudah terjebak untuk melakukan masalah sosial (Syazwana et al, 2019).

Tambahan pula, kurangnya bimbingan agama daripada ibu bapa mengakibatkan remaja lebih mudah terjerumus dalam masalah sosial (Syazwana et al., 2019). Sebaliknya, remaja yang dibesarkan dalam suasana yang berpegang teguh kepada ajaran agama menunjukkan kematangan yang lebih baik dalam berakhlak dan mengamalkan nilai agama yang tinggi (David & Loren 2019). Kajian oleh Latifah & Jamilah (2022) menunjukkan bahawa remaja yang dididik dengan amalan agama sejak kecil lebih cenderung untuk menjauhi pergaulan berisiko dan mengekalkan gaya hidup berlandaskan agama.

II. Faktor Diri Sendiri

Zaman transisi dari alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan satu tempoh yang mengelirukan remaja kerana mereka sedang melalui fasa perubahan diri yang kritikal dari segi peningkatan usia, kognitif (pemikiran) dan keadaan sekeliling. Pelbagai peristiwa ganjil yang menghujani fizikal dan mental mereka di mana terdapat perkara-perkara baru yang tidak pernah mereka alami atau lihat menyebabkan mereka tertarik untuk mencubanya (Jorge & Sergio 2023). Perkara ini menunjukkan bahawa faktor dorongan dalaman diri remaja yang sedemikian mendedahkan mereka dengan perilaku berisiko.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Abhaatiah dan Mohd Isa (2019) berkaitan faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial, mendapati bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan masalah sosial iaitu diri sendiri dan rakan sebaya. Dapatan ini disokong oleh kajian Norsahida et al. (2021) yang mendapati faktor diri sendiri merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tingkah laku agresif. Faktor diri sendiri merujuk kepada keputusan dan tindakan yang diambil oleh individu itu sendiri yang dikaitkan dengan kehendak mereka sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam masa yang sama tidak memikirkan kesan dalam tempoh masa yang akan datang. Kesannya akan menyebabkan mereka dibelenggu dengan pelbagai masalah yang akan mengganggu kesihatan mental dan fizikal seperti perlakuan yang tidak baik secara berterusan.

Ketika menelusuri alam remaja, mereka tidak akan terlepas daripada perasaan ingin untuk mencuba sesuatu yang baru atas alasan ingin tahu (Luca et al. 2023). Setiap perkara baharu yang berlaku di sekeliling mereka menyebabkan wujudnya perasaan ingin tahu yang tinggi dan seterusnya membuatkan mereka terdorong untuk mencuba perkara tersebut. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Najwa et al (2019), Abshaatiah dan Mohd Isa (2019) serta Hasimah, Amirah dan Mardzelah (2022) yang mendapati remaja yang terlibat dengan masalah sosial adalah mereka yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru.

Tambahan lagi, proses perkembangan yang berlaku dalam diri mereka dari segi sosial, mental, intelektual dan emosi pada peringkat ini juga mendorong pembentukan personaliti yang melahirkan perasaan ingin bebas dan tidak suka dikongkong serta perasaan cuba memahami perkara yang berlaku di sekeliling mereka (Kiran & Humera 2022). Perkara inilah yang mendorong mereka untuk bebas dalam membuat keputusan agar dapat memenuhi citarasa mereka sehingga tanpa disedari mereka telah terdedah dengan perilaku berisiko.

III. Tekanan Emosi

Pada peringkat remaja juga, mereka terdedah dengan pelbagai emosi seperti cepat marah, takut, cemburu, kecewa, sedih, emosional dan sebagainya ekoran perkembangan emosi yang sering berubah mengikut keadaan dan suasana (Sethi 2021). Dalam Islam, perkembangan emosi ini terjadi ketika aqil baligh yang melibatkan perubahan fizikal dan fisiologi. Justeru itu, remaja yang mengalami ketidakstabilan atau tekanan emosi yang akan menyebabkan mereka melakukan perbuatan yang diluar kawalan jika tidak dikawal (Atikah & Azmi 2022).

Menurut pakar psikologi dan psikiatri, tekanan emosi boleh terjadi disebabkan oleh gangguan psikologi seperti kemurungan dan kebimbangan yang berlaku di awal sekolah rendah yang memberi kesan kepada masalah pembentukan tingkah laku remaja (Shahril et al. 2023). Kajian daripada Nirmal et al. (2023) mendapati kanak-kanak dan remaja daripada sosioekonomi status (SES) yang rendah lebih cenderung menghadapi masalah berbanding remaja daripada SES yang tinggi). Ini kerana masalah yang dihadapi oleh remaja SES rendah lebih bersifat dalaman seperti kemurungan dan kebimbangan yang muncul daripada pasangan yang bersekedudukan, kurang

berkomunikasi dengan orang dewasa di rumah, dan tinggal bersama ahli keluarga yang mempunyai masalah mental. Begitu juga dengan dapatan kajian Katherine et al. (2019) yang mendapati bahawa remaja yang mempunyai masalah kemurungan dan kebimbangan terdorong untuk melakukan tingkah laku anti sosial disebabkan oleh faktor kekurangan psikologikal.

Di antara faktor lain yang menyebabkan remaja mengalami tekanan psikologi juga ialah perceraian atau pertengkaran ibu bapa (Galih & Nurliana, 2020). Hal ini telah mendorong remaja tidak gemar berada di rumah dan mencari cara untuk menghiburkan diri di luar rumah yang akan menyebabkan mereka lebih cenderung ke arah melakukan kegiatan yang meruntuhkan akhlak dan melanggar undang-undang. Justeru itu, remaja akan melakukan tindakan diluar kawalan disebabkan ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, marah, ingin membalas dendam dan sebagainya ekoran tekanan yang dihadapinya.

3.2.2 Faktor Luaran

I. Rakan Sebaya

Kajian yang dijalankan oleh Abshaatiah dan Mohd Isa (2019) terhadap faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial, mendapati faktor rakan sebaya merupakan faktor kedua tertinggi yang mempengaruhi tingkahlaku remaja terlibat dalam masalah sosial. Hasil dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa remaja lebih cenderung untuk mengambil risiko secara berkumpulan berbanding bersendirian di samping rakan sebaya juga menjadi pilihan utama sebagai tempat untuk meluahkan segala masalah berbanding keluarga sendiri (Nooraini et al. 2022). Ini kerana rakan sebaya merupakan individu kedua yang paling dekat dan lebih mesra dengan remaja selepas ibu bapa atau ahli keluarga sendiri.

Selain itu, remaja juga lebih mudah mempercayai rakan sebaya dan menganggapnya sebagai rakan baik untuk berkongsi cerita dan masalah yang dihadapi di samping sebagai sumber informasi. Hubungan yang terbina ini akan lebih terikat apabila mereka sama-sama memahami dan meneroka diri masing-masing dalam membantu menyelesaikan kekusutan hidup yang mereka hadapi bersama-sama (Tharshini & Fauziah 2020). Akan tetapi, perkara ini turut membahayakan apabila mereka lebih mempercayai kata-kata rakan sebaya daripada mendengar nasihat orang tua atau ahli keluarga sendiri dalam menyelesaikan masalah tersebut. Ini kerana, remaja akan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan masalah sosial akan berlaku sekiranya wujud aktiviti bersosial yang tidak sihat daripada pemilihan rakan sebaya (Normadiana et al, 2021).

Fattah et al (2021) dalam kajiannya berkaitan punca-punca remaja Islam di Malaysia terlanjur, menyokong dapatan di atas di mana kajian tersebut mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya yang bebas tanpa batasan antara lelaki dan perempuan menjadi punca utama yang membawa kepada zina. Hal ini selari dengan dapatan yang kajian Jumatawon et al (2018) yang mendapati sikap terhadap tingkah laku seksual mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pengaruh rakan sebaya. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar dan kuat terhadap tingkah laku remaja kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara antara usia

dan minat mereka ketika di usia remaja yang menjadikan mereka lebih suka untuk bergaul dengan rakan sebaya mereka.

Di samping itu, remaja juga dikatakan tidak mempunyai keberanian untuk menolak pengaruh rakan sebaya demi menjaga hubungan baik dengan rakan atau mereka juga ingin mendapat pengiktirafan dari rakan sebaya. Kebanyakan mereka tidak tahu untuk mengatakan 'tidak' kepada rakan sehingga sanggup untuk mengikuti setiap perilaku yang diajak oleh rakan mereka kerana takut apabila pendapat mereka bercanggah ia akan membawa kepada pergaduhan (Hasimah et al, 2022). Oleh itu, remaja seharusnya mempunyai keyakinan diri dan tahu untuk menjaga batas mereka ketika berkawan untuk supaya tidak terjebak dengan masalah sosial.

II. Media Massa

Media massa telah mewujudkan dunia tanpa sempadan atau maklumat di hujung jari yang bermaksud segala maklumat boleh diakses dan tiada sempadan waktu. Pada usia remaja, mereka mudah dipengaruhi kerana sedang mencari identiti diri sehingga mereka mudah untuk meniru dan mencontohi apa yang dilihat (Galih & Nurliana, 2020). Ini kerana, sosialisasi remaja muncul daripada keupayaan remaja memerhati dan mempelajari apa yang terdapat di media (Elena et al. 2022). Ia merupakan medium utama pada hari ini sebagai sumber bagi pelbagai tujuan termasuk hiburan, pencarian sensasi, pembentukan identiti dan pengenalan budaya belia.

Menurut Izzah et al (2021) dalam kajiannya mendapati impak penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar secara bebas atau tanpa kawalan telah memberi kesan negatif terhadap keruntuhan akhlak. Hal ini tidak dapat dinafikan pada era globalisasi ini, media sosial telah berperanan penting dan menjadi tarikan utama dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga mendapati impak media sosial dapat dilihat melalui perkataan dan perbuatan seperti penggunaan kata kesat, keganasan dan pornografik, hubungan silaturahim semakin renggang dan ikutan fesyen yang menjolok mata. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Melani et al. (2023); Nasrudin et al. (2021) dan Izzah et al. (2021) yang mengatakan pembentukan akhlak remaja hari ini adalah disebabkan pengaruh media massa (Abshaatiah & Mohd Isa, 2019).

Media massa mudah mempengaruhi remaja disebabkan oleh kemudahan sosial dan budaya yang disalurkan melalui internet, telefon bimbit, televisyen, majalah, buku dan lain-lain kemudahan yang sedia ada. Secara tidak langsung, ia juga telah memaparkan agenda dan unsur-unsur negatif seperti tidak memelihara batas aurat antara jantina, pergaulan antara lelaki dan perempuan dan sebagainya yang boleh menyumbang kepada masalah pergaulan bebas, gejala seks bebas, hamil luar nikah dan sebagainya. Tambahan lagi, remaja mudah terpengaruh dengan artis atau ikon media sosial yang dianggap sebagai idola. Perkara ini akan memudahkan lagi remaja untuk mengikuti dan meniru apa yang mereka nampak di media sosial seperti pakaian, aksesori, percakapan orang yang mereka idolakan (Nurzatil et al, 2022). Oleh itu, dapat dilihat bahawa media massa juga mampu mempengaruhi sikap remaja dan pemantauan daripada orang dewasa amatlah diperlukan agar dapat menyukat atau memilih bahan-bahan yang sesuai sahaja yang boleh ditonton kepada anak-anak mereka.

III. Pengaruh Ibu Bapa

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah anak-anak. Ini kerana sikap, personaliti, tutur kata dan akhlak seseorang juga dipengaruhi oleh keluarganya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Syah, Hamdi, Najah (2018) terhadap hubungan antara amalan ibu bapa dengan tingkah laku remaja mendapati ketiga-tiga dimensi tingkah laku ibu bapa, ilmu, keperibadian serta kemahiran keibubapaan adalah berhubung secara positif dengan tingkah laku remaja. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan tingkah laku remaja amat dipengaruhi oleh tingkah laku ibu bapa. Oleh kerana zaman remaja merupakan satu zaman transisi yang mempunyai banyak perubahan yang perlu diadaptasi oleh remaja. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan sebagai uswatun hasanah (role model) kepada mereka dengan menunjukkan personaliti yang baik agar mereka dapat mencontohinya di samping berperanan sebagai penyelesaian masalah kepada persoalan dan permasalahan remaja (Fikry 2021).

Syazwana et al (2019) juga menyokong dapatan di atas di mana kajian beliau mendapati terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada tingkah laku devian dalam kalangan remaja di semenanjung Malaysia antaranya faktor pemantauan ibu bapa, faktor komunikasi ibu bapa dan faktor religiositi. Ini menunjukkan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku anak-anak remaja kerana pada peringkat ini mereka sangat memerlukan perhatian daripada ibu bapa untuk membantu mereka dalam menyesuaikan diri dengan dunia remaja yang penuh pancaroba. Ibu bapa yang sentiasa sibuk bekerja, jarang berada di rumah dan sering bertengkar akan menyebabkan anak-anak bosan untuk berada di rumah dan kebarangkalian untuk mereka terjebak dengan masalah sosial boleh wujud kerana kurang pengawasan daripada ibu bapa (Amal, Azlina & Fauzi 2021).

Bukan itu sahaja, ibu bapa yang kurang berkomunikasi dengan anak-anak dan kurang pemantauan juga menyebabkan remaja mudah terjebak dengan tingkah laku berisiko. Ibu bapa yang sibuk bekerja dan kurang perhatian kepada anak-anak secara tidak langsung akan menyebabkan kurangnya komunikasi antara ibu bapa tentang keperluan dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka (Tharshini & Fauziah 2020). Hubungan interaksi yang lemah antara ibu bapa dan anak-anak akan menyebabkan mereka mencari alternatif bagi mendapatkan kasih sayang dan perhatian dengan cara yang negatif di luar rumah. Ibu bapa yang gagal memantau kegiatan anak-anak akhirnya akan memberi kesan kepada mereka untuk bebas melakukan apa sahaja tindakan yang menyimpang dan menyebabkan mereka berpendapat mereka mempunyai banyak kuasa untuk bertindak di luar garis batas syariat (Syazwana et al, 2019).

IV. Persekitaran

Golongan remaja merupakan mereka yang belum matang dalam menghadapi kehidupan. Kebanyakan remaja yang terlibat dengan masalah sosial adalah mereka yang berada dalam lingkungan usia belasan tahun iaitu dari umur 13 hingga 15 tahun. Sepatutnya ketika usia tersebut, remaja masih sibuk dengan aktiviti persekolahan dan di

rumah bersama ahli keluarga (Nurzatil, 2022). Akan tetapi berdasarkan tinjauan pengkaji mendapati faktor persekitaran juga memainkan peranan dalam penglibatan remaja dengan masalah sosial. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Norsahida et al (2021), Mariam et al (2021) dan Razimi et al. (2020) yang turut menyatakan faktor persekitaran boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku remaja sama positif atau negatif.

Oleh kerana golongan remaja kebanyakannya mereka dari kalangan mereka yang bersekolah, faktor persekitaran boleh dilihat ialah melalui persekitaran sekolah. Menurut Sabarnur et al. (2023), di antara faktor yang mempengaruhi masalah remaja ialah sikap guru yang selalu memberi perhatian kepada sesetengah pelajar yang lebih cerdas, suasana pembelajaran yang membosankan, ketegasan guru disiplin ketika mengenakan tindakan disiplin, dan perasan bosan remaja ketika berada di sekolah kerana peraturan ketat. Faktor-faktor ini telah menjadi punca remaja hilang tumpuan untuk belajar di samping menyebabkan mereka memberontak apabila berada di sekolah dan akhirnya menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja (Norsahida et al. 2021).

Begitu juga dengan dapatan kajian Fadly et al. (2021) sekolah dan guru memainkan pengaruh yang sangat penting dalam perkembangan pelajar dari aspek fizikal, mental, intelek, emosi dan sosialnya. Tenaga pengajar yang bersifat penyayang dan cekap menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas akan melahirkan pelajar yang berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, berkeupayaan dalam mencapai kesejahteraan diri. Suasana sekolah yang kondusif dan dilengkapi dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, psikomotor dan efektif pelajar yang dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik pelajar. Hal ini disokong dengan kajian Noorhidayah et al (2022) yang mendapati pengaruh persekitaran yang positif seperti suasana yang tenang dengan hafazan dan bacaan al-Quran mempengaruhi emosi dan tindakan pelajar.

Kesimpulannya, faktor-faktor yang mempengaruhi remaja berisiko melibatkan dua faktor domain iaitu faktor dalaman yang terdiri daripada faktor diri sendiri, tekanan emosi dan kelemahan iman dan faktor luaran yang terdiri daripada pengaruh rakan sebaya, media massa, ibu bapa dan persekitaran. Secara umumnya faktor luaran tersebut sebenarnya merupakan faktor persekitaran yang memberi kesan yang kuat kepada pembentukan tingkah laku remaja. Faktor-faktor tersebut mestilah diteliti dalam usaha untuk membantu remaja berisiko. Ini kerana, seharusnya semua pihak perlu peka dengan faktor-faktor tersebut agar masalah remaja berisiko ini dapat ditangani dengan baik. Ini kerana, remaja merupakan pemangkin kepimpinan negara yang akan menjamin dan menerajui negara pada masa hadapan. Oleh itu, penglibatan mereka dalam gejala sosial yang merosakkan ini seharusnya ditangani agar dapat melahirkan remaja yang berkualiti dari segi fizikal dan spiritualnya.

3.0 Masalah Spiritual Remaja Berisiko

Permasalahan remaja berisiko kini menjadi isu yang kerap diperbincangkan di mana kadar peningkatan kes remaja yang terlibat masalah sosial telah mencetuskan kekusaran semua pihak. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa

manusia terdiri daripada unsur fizikal dan spiritual. Keperluan fizikal biasanya dapat dipenuhi oleh manusia, tetapi keperluan spiritual kurang diberi perhatian sedangkan keperluan spiritual dan penyuburannya merupakan faktor utama dalam melonjakkan keutuhan jati diri individu daripada digugat oleh dorongan negatif. Syukri et al (2020) menjelaskan bahawa masalah remaja berisiko yang berleluasa kini berpunca daripada spiritual lemah dan mudah terikut dengan perbuatan dan tingkahlaku yang negatif.

Secara umumnya, definisi spiritual ialah merangkumi semua aspek kehidupan sama ada keimanan, hubungan sesama manusia, manusia dengan alam, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan asas kehidupan yang mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan jiwa dan hati (Malik, 2018). Menurut Sharifah Basirah et al. (2022), hati manusia selalu dipengaruhi oleh faktor kebaikan dan kemaksiatan. Disebabkan itu, hati dan jiwa yang tidak tenteram akan lebih mudah diserap dengan unsur-unsur negatif seperti tingkah laku berisiko seperti melanggar undang-undang atau melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan sebagainya (Intan & Nabilah 2018). Penyakit rohani atau masalah spiritual merupakan situasi pergolakan jiwa sehingga melahirkan perasaan sedih, resah, bimbang dan marah disebabkan oleh banyak perkara sukar yang berlaku sehingga mencetuskan kepada perbuatan, penerimaan dan cara pandang atau persepsi yang salah terhadap perkara yang berlaku dalam hidup (Hasimah et al. 2021)

Salah satu masalah spiritual yang terdapat di dalam al-Quran adalah merujuk kepada terma *al-halu'* (Zarrina et al. 2021). Secara umumnya, *al-halu'* merupakan perasaan keluh kesah atau kebimbangan yang muncul apabila berlaku situasi atau keadaan yang tidak menyenangkan hati contohnya kedekut apabila mendapat nikmat atau ganjaran dan keluh kesah apabila ditimpa ujian. Di dalam al-Quran *al-halu'* disebut sebagai seseorang yang tidak bersyukur dan tidak berpuas hati dengan kurnian terhadap dirinya. Seterusnya dalam kajian lain, Sharifah Basirah et al (2022) menyamakan penyakit *al-halu'* sebagai keresahan spiritual yang berpunca daripada sifat dan keadaan hati yang mengikut hawa nafsu dan tidak tenang yang selalu tidak berpuas hati dengan keadaan diri, berfikiran negatif, lompong dalam melaksanakan ibadah zahir serta menzahirkan perilaku yang negatif.

Tambahan lagi, tanda-tanda atau simptom keresahan spiritual boleh dilihat melalui gangguan pada emosi seseorang (Sharifah Basirah et al. 2022). Simptom tersebut terdapat pada seseorang yang mengalami keresahan atau kebimbangan dan tekanan perasaan sehingga menyebabkan cepat marah dalam apa jua keadaan dan situasi, kerap menangis dan sentiasa bersedih, ketakutan dan kerisauan yang melampau. Mereka yang berada pada situasi ini akan menimbulkan persoalan berkenaan erti penderitaan dan masalah yang dihadapi, hilang kawalan terhadap diri sendiri, menunjukkan ketakutan dan tidak dapat menerima apa yang menimpa dirinya (Hasimah et al. 2023). Keadaan ini akan mendorong segala aktiviti harian mereka dengan emosi dan perasaan yang negatif.

Masalah spiritual juga merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan keagamaan seperti kelemahan iman, jauh dari panduan agama, lemah ukuran nilai akhlak dan agama, tidak melaksanakan dan melakukan amal ibadah, lemah dalam kawalan hawa nafsu, menyekutukan Allah, melakukan kemaksiatan, berfikiran bebas

yang tidak mempercayai keesaan Allah, tidak dapat membezakan nilai kebaikan dan keburukan seperti hak dan batil, halal dan haram (Suriani et al, 2018; Norhafizah & Zarrina 2019; Faizuri & Syukri 2021). Perkara tersebut juga menyebabkan munculnya sifat kebimbangan dalam diri dan menyebabkan jiwa manusia menjadi sakit. Seterusnya mengakibatkan manusia sukar dididik sama ada dari aspek sosial dan pemikiran yang akhirnya telah menyebabkan munculnya tingkah laku yang menyimpang dan menyeleweng (Syukri et al. 2022).

Islam membahaskan masalah spiritual sebagai sifat mazmumah yang terbit dari hati sehingga ia dimanifestasikan dalam bentuk tingkah laku yang menghalang seseorang daripada mendapat kebahagiaan jiwa (Hamidah et al. 2022). Antara bentuk masalah spiritual ialah jahil, kufur, takut akan celaan dan hinaan, mengikut hawa nafsu, riya', panjang angan-angan, sombong, bangga diri, hasad dengki, kianat, buruk sangka terhadap Allah SWT, boros dan suka membazir, cinta akan harta benda, malas dan menganggur, keluh kesah, kufur nikmat, bergantung selain daripada Allah SWT, membenci ulama dan orang saleh, putus asa daripada rahmah Allah, lancang terhadap Allah SWT dan merasa selamat dari azabNya, sombong terhadap kebenaran, kemunafikan dan berterusan dalam melakukan kemaksiatan (Ikrimah et al. 2024).

Seterusnya, terdapat juga kajian daripada Abd Jalaluddin (2018) tentang pandangan *Fakhr al-Din al-Razi* dalam *Mafatih al-Ghayb*, mendapati beberapa masalah spiritual yang menghalang ketenangan jiwa. Antaranya adalah *khauf* (takut yang mengganggu ketenteraman), *hazn* (kesedihan kerana kekecewaan), *al-halu'* (keluh kesah dan bakhil), serta *hubb al-dunya* (cinta dunia secara berlebihan). Selain itu, sifat negatif seperti *hasad* (iri hati), *al-tafakhur* (sikap bangga diri), dan *al-takathur* (bermegah-megah) turut menyumbang kepada keresahan jiwa kerana memalingkan manusia dari mengingati Allah dan kebaikan rohani. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai masalah spiritual atau kejiwan telah banyak dibahaskan oleh para ulama dalam karya-karya mereka seperti al-Ghazālī, al-Razi, Abu Talib al-Makki, Sa'īd Ḥawwā, dan 'Abd al-Qadir al-Mandili (Faizuri & Syukri 2021). Ini menggambarkan bahawa Islam sangat menitikberatkan masalah spiritual kerana boleh memberi impak dalam kehidupan seseorang.

Secara keseluruhan, tinjauan awal terhadap sorotan literatur kajian mendapati bahawa kajian mengenai masalah spiritual telah banyak dijalankan oleh para sarjana. Beberapa masalah spiritual yang dinyatakan merangkumi aspek yang boleh berlaku dalam diri setiap individu, termasuk remaja berisiko. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kekurangan penekanan terhadap aspek spiritual memberi kesan yang serupa, iaitu membawa kepada perubahan tingkah laku manusia. Walaupun faktor dalaman dan luaran dilihat sebagai pemicu yang mempengaruhi remaja berisiko, namun faktor spiritual didapati lebih signifikan dalam menyumbang kepada permasalahan dalam kalangan remaja berisiko. Hal ini kerana aspek spiritual berperanan dalam mempengaruhi manusia serta mendorong perubahan tingkah laku, sama ada ke arah positif atau negatif.

4.0 Kesimpulan

Remaja adalah aset penting negara, yang perlu diberi perhatian khusus bagi mengasah potensi diri mereka supaya mampu menjadi pemimpin berwawasan di masa hadapan. Dalam arus globalisasi kini, golongan remaja kerap berdepan cabaran yang didorong daripada pelbagai faktor sehingga mereka terjebak dengan perilaku berisiko. Fasa perkembangan fizikal, emosi, kognitif, dan spiritual yang dialami remaja menjadikan mereka lebih terdedah kepada pengaruh negatif. Kelemahan dalam aspek spiritualiti, akibat kurangnya pendidikan dan pemahaman kerohanian serta dorongan syahwat, dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada masalah spiritual seperti kecenderungan kepada sifat cinta dunia, keresahan, dan keluh kesah yang seterusnya mempengaruhi akhlak mazmumah seperti cepat marah dan memberontak. Kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam mengenai masalah spiritual yang dihadapi remaja berisiko, khususnya akibat pengabaian aspek kerohanian dalam kehidupan seharian mereka. Melalui analisis ini, ia membantu mengenal pasti hubungan antara kelemahan spiritual dan peningkatan tingkah laku berisiko, seperti penyalahgunaan dadah, salah laku seksual, dan kenakalan sosial.

Kajian ini memberi implikasi penting terhadap peranan pendidikan spiritual dalam membentuk keseimbangan diri remaja. Kepentingannya terletak pada penyediaan pendekatan kerohanian yang komprehensif sebagai langkah pencegahan dan pemulihan, mengukuhkan nilai akidah, dan membimbing remaja untuk menghadapi godaan dunia. Bagi menangani masalah spiritual, pendekatan kerohanian seperti yang dianjurkan oleh Islam amat berkesan untuk mengembalikan manusia kepada fitrah mereka. Antaranya ialah pengamalan ibadah seperti solat dan zikir, terapi tasawuf yang dikenali sebagai *Tazkiyah al-Nafs* bagi menyucikan jiwa daripada sifat mazmumah, serta bimbingan berterusan melalui kaunseling psikospiritual Islam. Pendekatan ini mampu melahirkan remaja yang teguh dari aspek spiritual dan fizikal, sekaligus menjadikan mereka lebih berdaya tahan terhadap godaan dan cabaran dunia moden. Semua pihak, termasuk keluarga, sekolah, dan masyarakat, disarankan mengambil inisiatif terhadap isu ini agar remaja dapat dibimbing menjadi individu berakhlak mulia yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Penghargaan

Makalah ini menggunakan dana di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2022/SS10/UKM/02/10) daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia. Pengkaji merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli yang terlibat dalam geran penyelidikan tersebut.

5.0 Rujukan

- Abd Jalaluddin. 2018. Ketenangan Jiwa Menurut Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī Dalam Tafsīr Mafātih Al-Ghayb. Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Qur'An Dan Tafsir, 3 (1): 36-50.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. Jurnal Hadhari, 11 (1): 1-17.

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2023). *Laporan tahunan AADK 2023: Statistik Remaja Dan Dadah*. Putrajaya: Aadk.
- Aggarwal, S., Wright, J., Morgan, A., Patton, G., & Reavley, N. (2023). Religiosity and spirituality in the prevention and management of depression and anxiety in young people: a systematic review and meta-analysis. *BMC psychiatry*, 23(1), 729-762.
- Ahmad A'toa' Mokhtar & Mardiana Mohd Noor. (2021). Zikir Dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (Special Edition): 204-217.
- Ahmad Fadly Abdul Rahman, Muhamad Suhaimi Taat, Jenorita Hongkong. 2021. Hubungan Faktor Guru dan Persekitaran dengan Pembelajaran Pendidikan Jasmani: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Pendalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (9): 143 – 153.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha, Che Adenan Mohammad, Faisal Husen Ismail, Mustapahayuddin Abdul Khalim, Nur Zainatul Nadra Zainol, Nik Kamal Wan Muhammed, Mohamad Adib Mohamad Salih & Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari. (2022). Penerapan Amalan Kerohanian Untuk Mengatasi Masalah Emosi dan Tingkah Laku Semasa Tempoh Pandemik COVID-19. *Al-Hikmah International Journal for Islamic Studies & Human Sciences*, 5 (1): 79-89.
- Aida Aazami, Rebecca Valek, Andrea N. Ponce & Hossein Zare. (2023). Risk and Protective Factors and Interventions for Reducing Juvenile Delinquency: A Systematic Review. *Social Sciences*, 12 (474): 1-18.
- Andi Haslinda, Basti Tetteng, Muhammad Nur Hidayat Nurdin. (2022). Kematangan Emosi Dan Perilaku Agresi Pada Remaja. *PESHUM: Jurnal Pendidikan, Sosial dan Humaniora*, 1 (5): 247-553.
- Ayu Wandira. (2021). Konsep Kebahagiaan Dalam Tasawuf Menurut Prof. Dr. Muzakkir. *Hijaz: Jurnal Ilmu*, 1(1): 50-59.
- Azyyati Mohd Nazim. (2017). Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 1-18.
- Che Wil, Norfatmazura, and Nooraini Othman. (2021). The Impact of Spiritual and Individual Factors on Social Problems and Mental Health of Malaysian Adolescents. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 7 (2): 1–16.
- Che Zarrina Sa'ari. (2019). Psikospiritual islam: konsep dan aplikasi. *Journal of Syarie Counseling*, 1(1): 43-51.
- David C. Dollahite & Loren D. Marks. (2019). Positive Youth Religious and Spiritual Development: What We Have Learned from Religious Families. *Religions* 2019, 10: 248-569.
- Elena Bozzola; Spina, G.; Agostiniani, R.; Barni, S.; Russo, R.; Scarpato, E.; Di Mauro, A.; Di Stefano, A.V.; Caruso, C.; Corsello, G.; et al. (2022). The Use of Social Media in Children and Adolescents: Scoping Review on the Potential Risks. *Public Health*, 19 (9960): 1- 33.
- Emer Smyth & Merike Darmody. (2021). Risk And Protective Factors In Adolescent Behaviour The Role Of Family, School And Neighbourhood Characteristics In (Mis)Behaviour Among Young People. Research Series Number 119. Economic And Social Research Institute (Esri).
- Faizuri Abd. Latif & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2021). Kefahaman Takdir Ulama Melayu dalam Merawat Kecelaruhan Jiwa. *Jurnal Usuluddin* 49(2): 95-133
- Galih Haidar & Nurliana Cipta Apsari. (2020). Pornografi Pada Kalangan Remaja. *Prosiding Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat. Prosiding Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat*, 7(1), 136-143.

- Hamidah Binti Ab Razak, Luqman Bin Zainal Abidin & Amr Mohammed Sayed Emam Sallam. (2022). Pendekatan Psikoterapi Islam Dalam Merawat Kemurungan Wanita Muslimah. *Jurnal Pengajian Islam*, 15 (Special Issue): 83-95.
- Hasimah Chik, Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Sheriza Izwa Zainuddin & Loh Ee Chin. (2023). Dimensi Spiritual dalam Kalangan Pesakit Terminal. *Akademika* 93(1): 77-89
- Holmes, C., Brieant, A., King-Casas, B., & Kim-Spoon, J. (2019). How Is Religiousness Associated with Adolescent Risk-Taking? The Roles of Emotion Regulation and Executive Function. *Journal Of Research on Adolescence: The Official Journal of The Society for Research on Adolescence*, 29(2), 334-344.
- Ikrimah Retno Handayani, Hafid Nur Muhammad & Nina Nurrohmah. (2024). Problematika Mental Illness dan Solusinya dalam al-Qur'an Perspektif Hamka. *STUDIA QURANIKA: Jurnal Studi Quran*, 8 (2): 239-276.
- Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*. Johor Bahru: Universiti Tun Hussein Onn.
- Jorge Emiro Restrepo & Sergio Andrés Acosta-Tobón. (2023). Aggressiveness in Colombian juvenile delinquents and its relationship with parental aggressiveness. *Quaderns de Psicologia*, 25(3): 1-22.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Katherine S. Young, Christina F. Sandman & Michelle G. Craske. (2019). Positive and Negative Emotion Regulation in Adolescence: Links to Anxiety and Depression. *Brain Sciences*, 9 (76): 1-20.
- Khairil Anwar, Khaidzir Hj. Ismail & Sri Wahyuni. (2018). Indeks Mental-Kognitif Islam Remaja Berisiko: Satu Kajian Pendekatan Psikoreligio Keluarga Islam di Malaysia. *TAZKIYA Journal of Psychology*, 6(1), 19-32.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. (2019). Kesiediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Jurnal Islamiyyat*, 41(1), 59-68.
- Kiran Hashmi & Humera Naz Fayyaz. (2022). Adolescence and Academic Well-being: Parents, Teachers, and Students' Perceptions. *Journal of Education and Educational Development* 9(1): 27-47.
- Luca Cerniglia, Silvia Cimino, Renata Tambelli, and Marco Lauriola. (2023). Daring and Distress: Insights on Adolescent Risk Taking and Difficulties in Emotion Regulation from a Network Analysis Perspective. *Brain Sciences*, 13(9): 1248.
- Malik Badri. (2018). *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study*. London: IIIT London Office.
- Mariam Binti Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2021). Faktor Penglibatan Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistemik. *Jurnal Pengajian Islam*, 14 (2): 12-27.
- Mas Nooraini Hj Mohiddin, Nurzakiah Haji Ramlee, Hajah Hanan Pehin Haji Aziz, Hayatuddin Hj Moxsin, Dayang Suaad Binti Dr Haji Serbini, Dayang Hjh Tiawa Binti Awg Hj Hamid. (2022). Faktor Kehamilan Luar Nikah Dalam Kalangan

- Remajadi Negara Brunei Darussalam. Proceedings Borneo Islamic International Conference; 13; 153-160
- Melani Nur Cahya, Widia Ningsih & Ayu Lestari. (2023). Dampak Media Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologis Remaja: Tinjauan Pengaruh Penggunaan Media Sosial Pada Kecemasan Dan Depresi Remaja. *Jurnal Sosial Dan Teknologi*, 3(8): 703-706.
- Michael A. Goodman and W. Justin Dyer. (2023). HowDoesReligious Faith Impact Positive Youth Outcomes. *Religions* 14: 881-892.
- Mohd Fikri Bin Yazan. (2021). Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru Dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja. Disertasi Phd. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Manawi & Syarifah Basirah. (2019). Perbahasan Potensi Jiwa Menurut ibn Sina dan al-Ghazali. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (Afkar)*, 21 (1): 85-110.
- Mohd Nuri Mustafa. (2016). Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2),10-34.
- Mohd Razimi Husin, Nur Auni Najihah Sufizi, Nur Fatin Nisa Nasarudin, Anis Umaira Yuslam, Siti Adibah Zainal, Aidatul Azfaniza Binti Aspanizam, Muhammad Hafiz Mohd Bakhari, Nur Shafika Hazirin Che Aziz, Siti Norhafizah Abd Razak, Muhamad Hafeez Mat Aini. (2020). Faktor Utama Vandalisme dalam Kalangan Pelajar di Sekolah. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 2 (2): 52-61.
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Mohd Manawi Mohd Akib, Mohd Afifuddin Mohamad & Mohd Amirul Husni Zulkifli. (2022). Pendekatan Pengubatan Berteraskan Spiritual Islam dalam Menangani Masalah Sosial Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2): 318-323.
- Mohamad Zamri Ali, Nawis@Mohd. Nawis Ismail & Azizah Hussin. (2022). Tahap Penghayatan Akhlak Tasawuf Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sekolah Aliran Agama Daerah Bachok, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology Counseling*, 7 (46), 197-214.
- N.K. Tharshini & Fauziah Ibrahim. (2020). Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Jurnal Perspektif*, 12 (1): 28-38.
- Nasrudin Subhi, Nur Alya Abdul Razak & Rozita Ibrahim. (2021). Kesihatan Seksual Dan Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Berisiko. *Journal Of Social Science and Humanities, Special Issues*, 18 (6): 146-160.
- Nirmal Gautam, Getenet Dessie, Mohammad Mafizur Rahman & Rasheda Khanam. (2023). Socioeconomic status and health behavior in children and adolescents: a systematic literature review. *Front. Public Health* 11: 1-23.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian Terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (Perkid). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6 (Special Issue): 87-98.
- Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin. (2022). Faktor Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Educations, Psychology and Counselling*, 7(47), 674-685.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiyah Hamsan. 2018. Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus

- Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 88(2): 81-94.
- Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ari. (2019). Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik. *Jurnal Usuluddin* 47 (1): 1-34
- Normadiana Mohammad Hanapi, Norizah Omar, Mohammad Mokhtar Samat, Mohd Mawardi Mohd Kamal. (2021). Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Special Issue (KONAKA)*, 24(3), 38-46.
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir & Wan Munira Wan Jaafar. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (1): 106 – 118.
- Nur Amal Zaimah, Azlina Abdullah, Mohamed Fauzi Sukimi. (2021). Isu dan Cabaran Keluarga Sebagai Agen Kawalan Sosial dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (8): 207 – 214.
- Nur Diyana Ahmad Puat & Berhanundin Abdullah. (2018). Pembinaan Jati Diri Remaja Felda Melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1): 52-63.
- Nur Hanisah Mohd Nor Afandi. 2021. Kesediaan Remaja Berisiko Untuk Berubah Kea Rah Perlakuan Akhlak Yang Baik Di Felda Daerah Bentong. Tesis Phd, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan, Mohd Razimi Husin. (2019). Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 38-50.
- Nur Najwa Solehah Hasan Ashaari, Siti Norhafiza Sumadi, Nur Aqilah Salleh, Naziera Izzaty Ismail, Nurul Ain Hayati Adenan, Mohd Razimi Husin. (2019). Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 38-50.
- Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin & Mohd Syukri Zainal Abidin. (2021). Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja. *Afkar*, 23(2): 405-444.
- Nurul Atikah Abbas & Kamarul Azmi Jasmi. (2022). Masalah Kesihatan Mental dalam Kalangan Remaja. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1) 2022, p. 423-431. Tema "Nilai dalam Falsafah Sains dan Tamadun." Bertempat: Webinar: <https://utm.webex.com/meet/amdean>, 11 Januari 2022, anjuran Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Ketamadunan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa @ Busu & Zurkarnain Yusoff. (2021). Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*. Universiti Tekonologi Mara Kelantan.
- Nurzatil Ismah binti Azizan, Mariam Abd Majid, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2022). Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan. *E-journal Penyelidikan dan Inovasi*, 9(2), 59-74.

- Rohayu Yusoff, Badriah Nordin, Fauziah Tenga. (2021). Kesehatan Mental Golongan Remaja Menurut Maqasid Syariah. *Jurnal Yadim*, 1 (2): 75-90.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Syamim Zakwan Rosman, Suriani Sudi Et Al. (2020). Pencegahan Dadah Golongan Berisiko Menurut Pendekatan Psikospiritual Al-Ghazali (W. 505 H) *Journal Al-Irsyad*, 5(2), 391-403.
- Sabarnur Abd Radzak, Amna Md Noor, Azlina Mohd Khir & Muhd. Dhamir Audi Azizul. (2023). Analisis Faktor Dominan Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor. *Jurnal Kemanusiaan*, 21 (2): 1–8.
- Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Zanariah Dimon. (2017). Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian Di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (Mais). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1): 57-77.
- Sethi Bharti. (2021). Emotional Development in Adolescents. *Research Review International Journal of Multidisciplinary* 2021; 6(3):138-142.
- Shahril Nizam Zulkipli1, Ishak Suliaman, Mohd Syukri Zainal Abidin, Norazmi Anas2 & Wan Kamal Nadzif Wan Jamil. (2023). Psikoterapi Nabawi Sebagai Rawatan Komplimentari Kejiwaan Dalam Menangani Isu Kesehatan Mental. *ISLĀMIYYĀT* 45(1): 195 - 213
- Sharifah Basirah Syed Mohsin, Che Zarrina binti Sa'ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin. (2022). Muḥāsabah Al-Nafs (Self-Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress). *Jurnal Usuluddin*, 50 (1): 43-72.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. (2018). Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi Dalam Menangani Permasalahan Sosial. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5 (2): 269-279.
- Syah Rizal, Hamdi Ishak & Najah Nadiyah Amran. (2018). Hubungan Antara Amalan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 93-101.
- Taruna Gera. 2022. Spirituality as Protective Factor of Health Risk Behaviors among Adolescents. *Mind and Society*, 11(2): 83-89.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salidasuhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Zuriatunfadzliah Sahdan, Syh Noorul Madiah Syed Husin, Mohamad Aniq Aiman Alias, & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. (2021). Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Keruntuhan Sahsiahremaja Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *International Convention on The Basicstructure of Constitution (Icobac) 2021*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).